

**Nota Penting**

Sekiranya Orang yang Dilindungi membunuh diri semasa waras dalam masa setahun (1) dari Tarikh Sijil Dikeluarkan atau sebarang tarikh pengembalian semua Sijil, Etiqa Family Takaful Berhad akan memulangkan jumlah sumbangan yang telah dibayar.

Walau bagaimanapun, Orang yang Dilindungi hanya berhak ke atas 60% daripada Jumlah Perlindungan sekiranya dia membunuh diri semasa waras selepas setahun (1) dari Tarikh Sijil Dikeluarkan atau sebarang tarikh pengembalian semula Sijil.

Etiqa Family Takaful Berhad tidak akan melindungi sebarang ketidakupayaan yang disebabkan oleh peperangan, kesalahan undang-undang oleh Orang yang Dilindungi atau penglibatan di dalam sukan berbahaya.

Peserta akan diberi tempoh tangguh sehingga tiga puluh satu (31) hari dari tarikh akhir sumbangan perlu dibuat. Namun begitu, sekiranya sumbangan tidak dibayar selepas tempoh tangguh berakhir, Sijil akan dilanjutkan di bawah Kemudahan Sumbangan Automatik (ACF). Sijil akan ditamatkan sekiranya jumlah di dalam Dana Pelaburan Peserta digunakan sepenuhnya oleh ACF.

Sijil ini melayakkan Peserta mendapat pengecualian cukai tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Risalah ini hanya sebagai rujukan dan tidak boleh diambil kira sebagai kontrak atau undangan untuk mengambil bahagian. Etiqa Family Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Anda perlu memahami Pelan ini dengan baik bagi memastikan ia memenuhi keperluan anda sebaik-baiknya dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah Sijil ini mengikut kemampuan anda.

Pada tarikh penamatan, matang atau tamat tempoh Sijil, semua manfaat di bawah Pelan ini akan luput. Prestasi pelaburan Dana adalah berdasarkan prestasi sebenar Dana dan ianya tidak dijamin.

Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Ia adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

Anda mempunyai hak untuk mengembalikan Sijil ini bersama dengan arahan bertulis dalam tempoh lima belas (15) hari selepas Sijil diterima oleh anda, atas apa jua sebab. Jika dikembalikan, Sijil ini akan dianggap terbatal dari permulaan dan apa-apa Sumbangan yang telah dibayar akan dibayar balik kepada anda, tolak sebarang kos pemeriksaan perubahan yang ditanggung.

Sila ambil perhatian bahawa untuk tujuan menentukan lima belas (15) hari, Sijil ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada kami pada tarikh kami menerima Sijil ini jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika Sijil ini dihantar kepada kami melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika Sijil ini dihantar secara elektronik.

Manfaat dan/atau pulangan pelaburan di bawah Pelan ini adalah mengikut prestasi Dana dan tidak dijamin. Risiko Dana akan ditanggung sepenuhnya oleh Peserta dan manfaat yang dinikmati mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang dibuat kepada Dana Pelaburan Peserta.

Sila pastikan bahawa anda merujuk kepada Ilustrasi Jualan berkaitan Sijil yang disediakan untuk anda oleh Etiqa Family Takaful Berhad



01/18/EVE

Etiqa Oneline 1300 13 8888  
www.etiqa.com.my

f www.facebook.com/etiqa

**Etiqa Family Takaful Berhad** (266243-D)  
(Dahulu dikenali sebagai Etiqa Takaful Berhad)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)  
Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,  
59000 Kuala Lumpur, Malaysia  
T +603 2297 3888 F +603 2297 3800

Diunderait oleh:  
**eTiqa**  
Takaful

Ahli Kumpulan  Maybank

**eTiqa**  
Takaful

# Intelek Pelan Pendidikan Untuk Anak-Anak Anda.



## Menjanjikan Masa Hadapan yang Lebih Cerah untuk Anak-Anak Anda

Anak-anak adalah lambang kebanggaan dan kebahagiaan anda. Sebagai ibu bapa yang bertanggungjawab, anda sedia maklum bahawa pendidikan amat penting untuk berjaya dan anda mula menyimpan demi masa hadapan mereka. Namun begitu, simpanan anda mungkin tidak mencukupi.

Kos pendidikan kini meningkat secara mendadak. Dalam masa 10 tahun, kos pengajian di peringkat universiti selama 4 tahun boleh mencecah sehingga RM72,000.00 di Malaysia\*, RM250,000.00 di Australia mahupun RM400,000.00 di UK\*\*. Sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini, anak-anak anda mungkin tidak berpeluang mendapat pendidikan sepertimana yang diinginkan. Oleh itu, amat penting untuk kita merancang masa hadapan mereka sekarang.

Sumber-sumber: \*Study in Malaysia Handbook (International Edition)  
\*\*Ministry of Higher Education 2009

### Menjamin Pendidikan Anak-Anak Anda di Peringkat Lebih Tinggi

Intelek membantu membina dana yang bersesuaian dengan keperluan pendidikan anak-anak anda dan turut memberikan perlindungan dengan hanya sumbangan serendah RM70.00 sebulan. Tambahan lagi, Intelek memberi ganjaran terhadap pencapaian cemerlang anak-anak anda.

Gred Peperiksaan	Ganjaran (RM) Sumbangan Kurang Daripada RM100.00 Sebulan	Ganjaran (RM) Sumbangan RM100.00 dan Lebih Sebulan
UPSR – 5A	250.00	500.00
PT3 – 8A	350.00	750.00
SPM – 8A	500.00	1,000.00
STPM – 5A Prinsipal	1,000.00	1,500.00

Ganjaran tersebut tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- Sijil mestilah berkuatkuasa sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebelum anak anda menduduki peperiksaan.
- Manfaat tersebut adalah sekali untuk setiap individu.
- Bilangan gred A yang diambil kira adalah untuk mata pelajaran utama sahaja (Gred A dan A+ sahaja).
- Manfaat tersebut tertakluk kepada perubahan kepada Struktur Sukatan Pelajaran Malaysia.
- Etiqa Family Takaful Berhad berhak untuk meminda terma dan syarat-syarat manfaat pada masa hadapan.

Anda juga boleh mengeluarkan sehingga 80% daripada jumlah simpanan di dalam akaun anda bagi menampung sebarang perbelanjaan kecemasan. Sekiranya berlaku sebarang kecelakaan, kami akan membayar sumbangan bagi pihak anda. Keluarga anda akan berasa tenang apabila menyedari bahawa pendidikan anak-anak pada masa depan tetap terjamin.

### Ciri-Ciri Pelan

Prinsipal pelaburan anda mengikut kaedah Takaful – Pelan yang menepati Syariah di mana peserta bersetuju untuk membantu antara satu sama lain dengan membuat sumbangan secara Tabarru' (derma) ke dalam dana Takaful Keluarga. Sebagai pengurus kepada dana ini (mengikut konsep Wakalah), kami bertanggungjawab untuk memastikan ia berada di kedudukan yang baik demi pulangan dan manfaat yang berpatutan; serta membuat bayaran tepat pada masa-masa yang diperlukan oleh Peserta.

Sebagai wakil, Etiqa Family Takaful Berhad berhak menerima yuran Wakalah sebagai caj perkhidmatan. Yuran ini

ditanggung oleh Peserta yang ditolak daripada bayaran sumbangan. Yuran sebenar bergantung kepada tahun Sijil dan terma sumbangan yang dipilih. Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk maklumat lanjut.

Sekiranya terdapat lebih sumbangan pada akhir tahun kewangan, ia akan dikongsi 50:50 di antara Peserta Etiqa Family Takaful Berhad. Jumlah tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun/dana berbeza dan dibayar apabila Sijil ini tamat. Peserta tidak layak menerima lebih tersebut jika dia telah membuat tuntutan di bawah Sijil ini pada tahun kewangan berkaitan. Sekiranya lebih yang perlu dibayar kurang daripada RM10.00, maka lebih tersebut akan didermakan kepada tabung kebajikan sebagai Amal Jariah (kebajikan) bagi pihak Peserta.

### Ciri-Ciri Utama

<b>Had Kelayakan Umur*</b>	Umur minima: 14 hari Umur maksima: 15 tahun
<b>Had Kelayakan Umur Peserta /Pemilik Sijil*</b>	Umur minima: 19 tahun Umur maksima: 60 tahun
<b>Had Umur Matang*</b>	Umur maksima: 25 tahun
<b>Perlindungan Manfaat*</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kematian (mengikut terma Takaful atau sehingga berumur 25 tahun)</li> <li>Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (mengikut terma Takaful atau sehingga berumur 25 tahun)</li> </ul>
<b>Jumlah yang Dilindungi</b>	Jumlah yang Dilindungi minima: RM10,000.00 (tertakluk kepada sumbangan minima) Jumlah yang Dilindungi maksima: tertakluk kepada persetujuan
<b>Sumbangan Minima</b>	RM70.00 bulanan atau RM840.00 tahunan
<b>Tempoh yang Ditawarkan</b>	10 tahun ke atas
<b>Kaedah Pembayaran</b>	Bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan

\*Umur pada hari lahir akan datang

Yuran Prestasi daripada Lebihan di dalam Dana Risiko Peserta dikongsi di antara anda (50%) dan Etiqa Family Takaful Berhad (50%).

Yuran Insentif daripada Keuntungan Pelaburan di dalam Dana Pelaburan Peserta dikongsi di antara anda (85%) dan Etiqa Family Takaful Berhad (15%).

### Tambah Nilai Pelan Anda

Sekiranya anda ingin menambah nilai Intelek dengan lebih perlindungan dan kelonggaran, hanya pilih antara rider berikut:

- Rider Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Akibat Kemalangan
- Rider Penyakit Kritikal
- Rider Pengecualian Sumbangan bagi Penyakit Kritikal
- Rider Pengecualian Sumbangan bagi Kematian dan HUMK (Pembayar)
- Rider Manfaat Tunai Hospital
- Rider Ultra Medic
- Rider Bertempoh
- Rider Manfaat Pendapatan Keluarga
- Rider Tambah Nilai Tetap

